

INSYAK VARIASI: SUATU KAJIAN TINDAKAN DI SABK

Siti Nurhajariah Md Isa
SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis
E-mel: g-68367860@moe-dl.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan Teknik Insyak Variasi dalam meningkatkan kemahiran penulisan insyak bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Fokus utama tertumpu kepada kepelbagaian jenis ayat dan penggunaan penanda wacana (*tarakib*) dan frasa pemula (*muftatahat al-jumal*) dalam membina perenggan isi yang mantap dan berstruktur. Kajian menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen melibatkan pra dan pasca ujian penulisan. Dapatan menunjukkan peningkatan ketara dalam bilangan ayat sokongan seperti ayat contoh, ayat kesan, ayat dalil dan ayat syarah dalil selepas intervensi dijalankan. Penggunaan penanda wacana dan frasa pemula juga lebih pelbagai dan seimbang, khususnya dalam fungsi menyatakan idea utama, menyokong dengan dalil, serta memberi saranan. Walau bagaimanapun, kelemahan masih ketara dalam aspek pembinaan ayat isu dan ayat faktor. Secara keseluruhannya, Teknik Insyak Variasi didapati berkesan dalam mempertingkatkan keupayaan pelajar membina perenggan isi insyak yang lengkap, logik dan meyakinkan. Kajian mencadangkan agar teknik ini diterapkan secara meluas dalam pengajaran penulisan insyak untuk memperkukuh penguasaan pelajar dari segi kohesi dan koheren penulisan.

Kata kunci: Teknik Insyak Variasi; penulisan insyak; penanda wacana; ayat isi; kemahiran menulis

1. PENDAHULUAN

Bahasa Arab merupakan bahasa yang unik dan mempunyai pelbagai keistimewaan yang tiada bandingannya dengan bahasa-bahasa lain di dunia ini (Kamarulzaman Abdul Ghani et al., 2021). Penulisan insyak pula merupakan satu komponen penting yang tidak dapat dipisahkan daripada pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah* di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kemahiran ini bukan sahaja menguji tahap penguasaan pelajar terhadap struktur dan tatabahasa bahasa Arab, malah turut menilai kebolehan mereka dalam menyampaikan idea dan maklumat secara tersusun, kohesif dan berkesan. Kemahiran bahasa Arab terdiri daripada kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis yang perlu dikuasai dengan baik oleh pelajar bukan penutur jati yang mengikuti bidang pengajian Islam di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) (Hadj Said, 2023).

Namun begitu, pemerhatian guru dan dapatan pra-ujian menunjukkan bahawa majoriti pelajar masih menghadapi kesukaran menghasilkan insyak yang lengkap dan bermutu. Antara masalah utama termasuk pengulangan ayat, kurang kesinambungan idea, serta kelemahan dalam membina struktur ayat dan perenggan yang tersusun. Selain itu, kekurangan pendedahan kepada teknik penulisan dan perbendaharaan kata turut menjejaskan keupayaan mereka menyampaikan hujah dengan berkesan, sekali gus memberi kesan terhadap pencapaian dalam *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah* secara keseluruhan.

Dalam penulisan insyak, pelajar sering kali menghadapi pelbagai kelemahan dalam kemahiran menulis seperti kesukaran membina ayat yang gramatis, ketidakupayaan menggunakan kosa kata mengikut konteks dengan tepat, dan kekeliruan dalam penggunaan kaedah sintaksis dan morfologi

yang betul serta kekurangan latihan menulis yang berstruktur (Rosni Samah et al., 2023). Proses penulisan dalam bahasa kedua memerlukan latihan yang berterusan dengan bimbingan strategi pembelajaran yang sesuai dan berfokus (Mohamad Rofian Ismail & Muhammad Daoh, 2021a). Cabaran lain seperti motivasi yang rendah, kurang keyakinan diri, dan kaedah pengajaran yang kurang efektif turut menyumbang kepada kelemahan ini (Mohamad Ismail & Norahida Mohd Fairuz Ali, 2024). Kelemahan-kelemahan ini menunjukkan bahawa pengajaran kemahiran menulis dalam bahasa Arab perlu diberikan perhatian yang lebih sistematik dan berfokus, terutamanya dalam membantu pelajar bukan penutur jati untuk membina kecekapan menulis yang sejajar dengan kehendak kurikulum dan tahap pengajian mereka.

Sehubungan itu, satu kaedah penulisan insyak yang dinamakan Teknik Insyak Variasi telah diperkenalkan sebagai bentuk intervensi yang bertujuan membantu pelajar menggunakan pelbagai jenis ayat mengikut fungsi tertentu, seperti ayat penyata, tanya, dan perintah, serta disertakan dengan penggunaan penanda wacana (*tarakib*) dan frasa pemula (*muftatahat al-jumal*) yang sesuai. Penggunaan penanda wacana dan frasa pemula ini dapat membantu mewujudkan kesinambungan yang logik antara ayat dan perenggan, sekali gus menghasilkan penulisan yang lebih tersusun dan koheren. Kajian ini dilaksanakan dalam bentuk kajian tindakan untuk mengenal pasti keberkesanan teknik ini dalam meningkatkan keupayaan pelajar menghasilkan insyak yang lebih berkualiti dan memenuhi kehendak penulisan *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'āṣirah*.

2. KAJIAN KEPUSTAKAAN

Penulisan berkesan tidak hanya bergantung kepada isi kandungan, tetapi juga cara penyampaian melalui struktur ayat dan sambungan antara idea. Halliday dan Hasan (1976) menekankan bahawa kesinambungan antara ayat dalam satu teks amat penting dalam menjamin kefahaman pembaca (Halliday & Hasan, 1976; Widdowson, H.G., 1978; Van Dijk, 1977; Reinhart, Tanya, 1980; Asmah Haji Omar, 1980; Beaugrande & Dressler, 1981; Brown & Yule, 1983). Malah, aspek ini turut dinilai dalam Al-Quran (Salwa El-Awa, 2006; Hussein Abdul-Raof, 2010) dan dalam retorik Arab klasik (Al-Hindawi & Abu-Krooz, 2013).

Dalam penulisan bahasa Arab, keterikatan makna merujuk kepada kesinambungan pemikiran dan hubungan erat antara ayat, frasa, dan perenggan yang membentuk satu kesatuan idea yang tersusun dan mudah difahami. Ia melibatkan unsur semantik (makna) yang saling berkait, di mana setiap idea berkembang daripada idea sebelumnya dan membawa kepada idea seterusnya dalam satu aliran pemikiran yang logik dan lancar. Kelancaran makna bukan sahaja bergantung kepada struktur tatabahasa, tetapi juga kepada cara penulis mengatur hujah, memberikan contoh, membuat perbandingan, serta menggunakan unsur rujukan seperti kata ganti nama dan alat perhubungan. Dalam hal ini, penanda wacana dan frasa pemula memainkan peranan penting sebagai penghubung antara ayat dan perenggan, yang membantu mencipta aliran pemikiran yang tersusun dan memudahkan pembaca menjejaki perkembangan idea secara logik.

Penanda wacana ialah alat atau perkataan yang digunakan untuk menghubungkan ayat atau frasa antara satu sama lain bagi menyatakan hubungan logik dan makna antara idea (Fahd Khalil Zaid, 2015). Penanda wacana merupakan elemen penting dalam pembentukan dan kesinambungan sesuatu teks kerana ia berperanan menyatukan ayat serta idea secara harmoni. Dalam konteks bahasa Arab, penanda ini amat signifikan dalam menggambarkan hubungan logik, kronologi, dan sebab-musabab, yang menyumbang kepada kelancaran serta kepaduan teks. Menurut Hasan dan Musa (2019), pelajar yang dilatih menggunakan jenis-jenis ayat seperti ayat dalil, ayat contoh, ayat saranan dan ayat

rumusan akan dapat menulis dengan lebih mantap. Al-Qarni (2020) pula menekankan keperluan pelajar memahami peranan penanda wacana dalam membina kesinambungan antara ayat agar insyak menjadi lebih teratur dan meyakinkan. Oleh itu, penggunaan teknik Insyak Variasi yang menggabungkan kedua-dua aspek, jenis ayat dan penanda wacana, dilihat berpotensi tinggi dalam meningkatkan kemahiran pelajar.

3. MASALAH KAJIAN

Hasil pemerhatian awal dan analisis penulisan pelajar mendapati bahawa antara masalah yang paling ketara ialah penggunaan ayat yang terhad, di mana pelajar cenderung mengulang ayat penyata asas tanpa variasi. Struktur ayat yang dihasilkan kurang pelbagai dari segi sintaksis dan gaya bahasa, menjadikan perenggan isi mereka bersifat statik dan kurang menarik. Selain itu, pelajar juga menunjukkan kelemahan dari segi kesinambungan idea, apabila ayat-ayat dalam satu perenggan tidak saling berkait antara satu sama lain. Ketiadaan penanda penanda wacana dan frasa pemula menyebabkan perenggan kelihatan seperti senarai fakta yang tidak berhubung secara logik.

Tambahan pula, kebanyakan perenggan isi tidak mempunyai struktur yang mantap, seperti ayat topik yang jelas, diikuti dengan huraian yang berkembang serta contoh yang sesuai. Terdapat juga pelajar yang terus menyatakan isi tanpa membina ayat pengenalan atau penegasan idea, menyebabkan struktur perenggan menjadi lemah. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk membantu pelajar membina semula kemahiran menulis perenggan isi melalui pendekatan pengajaran berfokus dan latihan berstruktur yang boleh meningkatkan kecekapan mereka dalam penulisan insyak Bahasa Arab secara menyeluruh.

Kajian ini dijalankan bagi menangani masalah kelemahan dalam penulisan perenggan isi insyak dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 di salah sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Selangor. Seramai 36 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian ini. Mereka terdiri daripada pelajar aliran agama yang mengambil mata pelajaran Al-Lughah Al-'Arabiah Al-mua'sirah. Tujuan utama kajian ini adalah untuk meningkatkan keupayaan pelajar membina perenggan isi yang lengkap, tersusun dan mempunyai kesinambungan idea dalam penulisan insyak Bahasa Arab. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti punca kelemahan yang dihadapi oleh pelajar serta merancang intervensi yang bersesuaian bagi memperbaiki kemahiran menulis mereka secara berperingkat. Masalah ini menyebabkan hasil penulisan menjadi lemah, tidak menarik, dan tidak mencapai tahap penguasaan yang sepatutnya. Oleh itu, guru mencadangkan penggunaan teknik Insyak Variasi bersama penanda wacana dan frasa pemula sebagai intervensi pengajaran.

Objektif kajian ini secara khusus adalah untuk: (i) mengenal pasti masalah utama dalam penulisan perenggan isi insyak dalam kalangan pelajar Tingkatan 4, (ii) merawat kelemahan penulisan isi insyak melalui pelaksanaan Teknik Insyak Variasi, (iii) menilai keberkesanan Teknik Insyak Variasi dalam meningkatkan mutu penulisan perenggan isi insyak pelajar.

Diharapkan melalui pelaksanaan intervensi ini, pelajar dapat menguasai kemahiran menulis perenggan isi dengan lebih baik dari segi struktur, kandungan, dan kesinambungan idea. Teknik Insyak Variasi yang diterapkan bersama penggunaan penanda wacana dan frasa pemula dijangka dapat membantu pelajar menyusun ayat dengan lebih sistematik serta menghubungkan idea-idea dalam perenggan secara logik dan lancar. Kajian ini juga diharap dapat memberikan panduan kepada guru dalam merancang pendekatan pengajaran yang lebih efektif dan bersesuaian dengan tahap penguasaan pelajar, khususnya dalam subjek Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mua'sirah. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini dijangka bukan sahaja dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam

penulisan insyakh, malah turut memupuk keyakinan diri dan minat mereka terhadap Bahasa Arab sebagai medium komunikasi dan pemikiran.

4. INSYAK VARIASI

4.1 Definisi Teknik Insyakh Variasi

Insyakh Variasi ialah satu pendekatan pengajaran penulisan insyakh yang melatih pelajar membina pelbagai jenis ayat dalam perenggan isi berdasarkan fungsi tertentu seperti ayat topik, ayat huraian, ayat contoh dan ayat penegasan. Teknik ini menekankan pembinaan perenggan yang tersusun rapi dan mempunyai aliran idea yang lancar, dengan struktur yang jelas serta kandungan yang berkembang secara logik. Salah satu komponen penting dalam pendekatan ini ialah penggunaan penanda wacana dan frasa pemula yang sesuai mengikut fungsi ayat bagi memastikan kesinambungan idea yang mantap dalam penulisan. Pelajar didedahkan kepada pelbagai bentuk penanda wacana dan frasa pemula yang digunakan secara strategik untuk menghubungkan idea antara ayat dan menyusun hujahan secara tersusun.

4.2 Komponen Teknik Insyakh Variasi

Teknik Insyakh Variasi merangkumi beberapa komponen penting yang saling berkaitan dan berfungsi untuk membimbing pelajar membina perenggan isi yang lengkap, tersusun dan meyakinkan. Komponen-komponen utama tersebut ialah: (i) jenis ayat dan fungsi, pelajar dilatih menghasilkan pelbagai jenis ayat mengikut fungsi tertentu dalam sesebuah perenggan, (ii) penanda wacana dan frasa pemula mengikut fungsi, bagi setiap jenis ayat, pelajar digalakkan menggunakan penanda wacana dan frasa pemula yang bersesuaian bagi memastikan kesinambungan idea dan aliran yang lancar dalam penulisan, (iii) contoh ayat, pelajar turut diberi contoh ayat lengkap bagi setiap fungsi bagi latihan menulis dan menyusun semula ayat menggunakan teknik ini. Contoh ayat diberikan bagi setiap struktur agar pelajar dapat memahami penggunaannya dalam konteks sebenar, serta dapat mempelbagaikan gaya bahasa dan kosa kata dalam insyakh mereka. Jadual (1) berikut menjelaskan jenis ayat, fungsi, penanda wacana dan frasa pemula dan contoh ayat yang digunakan dalam Teknik Insyakh Variasi;

Jadual 1: Komponen Teknik Insyakh Variasi

Jenis Ayat	Fungsi	Penanda Wacana Dan Frasa Pemula	Contoh Ayat
Ayat Isi	Menyatakan idea utama/perkara yang hendak dihuraikan	لا شك أن / من المعلوم أن	لا شك أن الزكاة لها أهمية عظيمة في حياة المسلمين، فهي ركن من أركان الإسلام تهدف إلى تحقيق العدالة الاجتماعية.
Ayat Isu	Mengemukakan isu/permasalahan berkaitan dengan isi	من أبرز المشكلات / في واقعنا اليوم	في واقعنا اليوم، نلاحظ أن بعض المسلمين يتهاونون في أداء الزكاة رغم قدرتهم المالية.
Ayat Faktor	Menjelaskan sebab/punca kepada isu	ويرجع ذلك إلى / من أسباب ذلك أن	ويرجع ذلك إلى ضعف الوعي الديني وعدم إدراك أهمية الزكاة في تطهير المال والنفس.

Ayat Contoh	Menyokong huraian dengan contoh nyata	على سبيل المثال / كمثال على ذلك	على سبيل المثال، عندما يُخرج التاجر جزءاً من أرباحه زكاة للفقراء، فإنه يساهم في تحسين حياتهم اليومية.
Ayat Kesan	Menunjukkan akibat atau hasil daripada pelaksanaan isi	ونتيجةً لذلك / وبالتالي	ونتيجةً لذلك، يشعر الفقير بالراحة والفرح، ويستطيع شراء احتياجاته الضرورية.
Ayat Dalil	Menyokong hujah dengan dalil naqli (al-Quran/Hadis)	قال الله تعالى / قال رسول الله صلى الله عليه وسلم	قال الله تعالى: ((خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا)) (التوبة: ١٠٣).
Ayat Syarah Dalil	Menghuraikan maksud dalil secara ringkas	يدل هذا على أن / يفهم من هذا النص أن	يدل هذا على أن إخراج الزكاة ليس فقط أمراً مالياً بل تطهير للمال والنفس.
Ayat Saranan	Memberikan cadangan praktikal berkaitan isi	من الواجب علينا / لذلك يجب على المسلمين	لذلك يجب على المسلمين أداء الزكاة بانتظام ونشر الوعي بين المجتمع.
Ayat Penegasan	Menegaskan kembali kepentingan isi sebagai penutup hujah	ولا جرم أن نقول / لا ريب أن	ولا جرم أن نقول إن الزكاة من الوسائل الفعالة لتحقيق التكافل الاجتماعي بين أفراد المجتمع.

Dengan adanya komponen-komponen ini, Teknik Insyak Variasi bertujuan memudahkan pelajar membina perenggan isi yang lengkap, tersusun dan meyakinkan dari sudut penyampaian idea. Pelajar dibimbing untuk menggunakan pelbagai jenis ayat mengikut fungsi serta penanda wacana dan frasa pemula yang sesuai bagi memastikan kesinambungan antara ayat dalam perenggan. Ini membantu mengelakkan penulisan yang terputus-putus dan kurang fokus.


Dalam masa yang sama, teknik ini turut membantu guru menyediakan kerangka latihan yang sistematik, berpandukan fungsi ayat dan susunan logik perenggan. Pendekatan ini menjadikan proses pengajaran lebih berstruktur dan mudah disesuaikan mengikut tahap penguasaan pelajar. Secara keseluruhannya, Teknik Insyak Variasi mampu meningkatkan kemahiran menulis insyak pelajar serta memperkukuh penguasaan mereka dalam penulisan Bahasa Arab yang efektif dan berkesan.

5. TATACARA PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Model Kajian Tindakan

Kajian tindakan ini dilaksanakan berasaskan Model Kemmis dan McTaggart (1988) yang mengandungi empat fasa utama iaitu: perancangan (*planning*), pelaksanaan tindakan (*action*), pemerhatian (*observation*), dan refleksi (*reflection*) seperti yang terdapat dalam Rajah (1). Model ini digunakan secara meluas dalam kajian tindakan kerana sifatnya yang berkitar dan progresif, membolehkan guru memperbaiki amalan secara berterusan berdasarkan maklum balas dan data daripada situasi sebenar bilik darjah.

Rajah (1): Model Kemmis dan McTaggart (1988)



Model Kemmis dan McTaggart membolehkan guru bertindak sebagai penyelidik terhadap amalan sendiri, sambil memberi fokus kepada pemeraksanaan pelajar dan peningkatan kualiti pengajaran. Pendekatan ini bertepatan dengan matlamat kajian tindakan, iaitu membina penyelesaian konkrit dan praktikal berdasarkan realiti bilik darjah. Melalui pelaksanaan model ini, guru dapat menilai kesan penggunaan Teknik Insyak Variasi secara berperingkat dan menyeluruh, sekali gus memastikan intervensi yang dijalankan benar-benar memberi impak positif terhadap kemahiran menulis pelajar.

5.2 Langkah-Langkah Pelaksanaan Kajian

Kajian ini melibatkan 35 orang pelajar Tingkatan 4 dari aliran agama selaku responden kajian di sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di negeri Selangor sebagai responden. Mereka mengambil mata pelajaran *Al-Lughah Al-'Arabiah Al-Mu'asirah* dan dikenal pasti menghadapi masalah dalam membina perenggan isi insyak yang lengkap, tersusun, dan mempunyai kesinambungan idea yang baik. Melalui pemerhatian awal dan analisis hasil penulisan mereka, didapati kebanyakan responden menggunakan struktur ayat yang terhad, tidak berupaya menyusun idea secara logik, serta gagal menggunakan penanda wacana dan frasa pemula yang sesuai bagi menghubungkan ayat dalam perenggan.

Model ini dipilih kerana ia menyediakan kerangka yang sistematik dan fleksibel, sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks pengajaran dan pembelajaran yang bersifat dinamik. Keempat-empat fasa ini saling berkait dan membentuk satu kitaran tindakan yang membolehkan guru meneroka masalah sebenar yang dihadapi oleh responden, merangka intervensi yang bersesuaian, melaksanakan tindakan yang dirancang, memerhati hasil tindakan tersebut, serta menganalisis keberkesanannya melalui proses refleksi. Proses ini boleh diulang (*re-cycle*) untuk penambahbaikan seterusnya.

1. Fasa perancangan melibatkan proses mengenal pasti masalah utama, menetapkan objektif, merancang intervensi, dan merangka strategi pelaksanaan. Dalam konteks kajian ini, perancangan memfokuskan kepada masalah kelemahan responden dalam membina perenggan isi insyak serta cadangan penggunaan Teknik Insyak Variasi sebagai langkah intervensi.
2. Fasa tindakan pula melibatkan pelaksanaan aktiviti pengajaran berasaskan teknik yang telah dirancang. Guru melaksanakan strategi pengajaran secara langsung bersama responden, seperti memperkenalkan jenis-jenis ayat dalam Teknik Insyak Variasi serta memberi latihan penulisan insyak berpandukan teknik tersebut.
3. Fasa pemerhatian dilakukan secara sistematik sepanjang pelaksanaan aktiviti. Guru memerhati, mencatat dan mengumpul data berdasarkan hasil kerja responden, keaktifan mereka semasa aktiviti, serta tahap pemahaman terhadap teknik yang diajar. Pemerhatian ini juga melibatkan

analisis terhadap perubahan kualiti penulisan responden dari aspek struktur, kandungan dan kesinambungan idea.

4. Fasa refleksi merujuk kepada proses menilai semula pelaksanaan intervensi dengan meneliti kekuatan, kelemahan serta impaknya terhadap pembelajaran responden. Refleksi membantu guru membuat keputusan sama ada intervensi perlu diteruskan, diubah suai, atau ditambah baik untuk kitaran tindakan seterusnya. Dalam kajian ini, refleksi dilakukan melalui analisis penulisan responden serta maklum balas secara lisan dan bertulis.

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah mengikuti empat fasa kajian tindakan berdasarkan Model Kemmis dan McTaggart (1988) iaitu perancangan, tindakan, pemerhatian dan refleksi. Proses pelaksanaan ini dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik dengan mengambil kira masalah sebenar yang dihadapi oleh responden serta intervensi yang sesuai untuk mengatasinya. Setiap langkah pelaksanaan direka bentuk bagi membantu responden membina kemahiran menulis perenggan isi insyak Bahasa Arab secara berkesan melalui Teknik Insyak Variasi. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

1. Pra-Ujian Penulisan

Sebagai langkah awal, responden diminta menulis satu karangan insyak secara bebas berdasarkan tajuk yang diberi tanpa sebarang panduan berkaitan struktur ayat atau teknik penulisan. Karangan ini dianalisis bagi mengenal pasti tahap semasa responden, khususnya dari segi variasi jenis ayat, penggunaan penanda wacana dan frasa pemula, serta kesinambungan idea antara ayat dalam perenggan isi. Dapatan daripada pra-ujian ini digunakan sebagai asas untuk merancang intervensi yang bersesuaian.

2. Pengajaran Teknik Insyak Variasi

Melalui sesi rawatan, guru memperkenalkan Teknik Insyak Variasi secara eksplisit kepada responden, yang merangkumi sembilan jenis ayat berdasarkan fungsi tertentu seperti ayat topik, huraian, contoh, sebab, kesan, perbandingan, penegasan, cadangan dan kesimpulan. Setiap jenis ayat disertakan dengan penanda wacana dan frasa pemula yang sesuai bagi membantu responden menyusun idea secara logik dan berkesinambungan. Responden juga diberi pendedahan tentang struktur perenggan isi yang lengkap dan kaedah mengembangkan isi dengan menggunakan pelbagai bentuk ayat yang berfungsi.

3. Aktiviti Penulisan Insyak Berpanduan Teknik

Setelah diberi latihan dan bimbingan yang mencukupi, responden diminta menulis semula karangan insyak berdasarkan tajuk yang sama, tetapi kali ini dengan menggunakan sekurang-kurangnya sembilan jenis ayat berbeza beserta penanda wacana dan frasa pemula yang bersesuaian. Aktiviti ini dilaksanakan secara individu bagi menilai tahap penguasaan responden terhadap teknik yang telah diajar serta kebolehan mereka membina perenggan isi yang lengkap, menarik dan tersusun.

4. Pasca-Ujian Penulisan

Setelah aktiviti penulisan berpanduan Teknik Insyak Variasi dijalankan, pasca-ujian dilakukan untuk mengukur keberkesanan intervensi. Responden sekali lagi diminta menulis karangan insyak berdasarkan tajuk yang sama. Hasil penulisan pasca-ujian menunjukkan peningkatan ketara dari segi kualiti perenggan isi.

5. Refleksi dan Penilaian

Karangan responden dinilai dari aspek: (i) kepelbagaian jenis ayat, sejauh mana responden berjaya menggunakan pelbagai fungsi ayat dalam perenggan, (ii) ketepatan dan kejelasan penanda wacana dan frasa pemula, keupayaan responden memilih dan menggunakan penanda wacana dan frasa pemula yang sesuai dengan fungsi ayat.

Refleksi juga dibuat berdasarkan pemerhatian guru semasa sesi pengajaran dan analisis terhadap hasil penulisan. Dapatan daripada refleksi ini digunakan untuk menilai keberkesanan Teknik Insyak Variasi serta mencadangkan penambahbaikan untuk kitaran tindakan yang seterusnya.

6. DAPATAN KAJIAN

6.1 Pra-Ujian Penulisan

Dapatan kajian bagi Pra-Ujian Penulisan berkaitan dengan kepelbagaian jenis ayat dalam penulisan isi insyak dalam kalangan responden dapat dijelaskan secara lebih terperinci berdasarkan Jadual (2) berikut:

Jadual (2): Analisis Pra-Ujian

Jenis Ayat Digunakan	Jumlah	Jenis Penanda Wacana dan Frasa Pemula	Penanda Wacana dan Frasa Pemula Yang Digunakan	Jumlah
Ayat Isi	35	Menyatakan idea utama	وبعد ذلك، وغير ذلك، بالتالي، ثم، بعدها، والآخر، أولاً، ثانياً، أخيراً، لا شك ولا ريب	22
Ayat Isu	0	Mengemukakan isu	-	0
Ayat Faktor	12	Menjelaskan faktor	لأن، لأنه،	12
Ayat Contoh	4	Menyokong huraian dengan contoh	مثله، مثاله، أمثال، ك، على سبيل المثال	8
Ayat Kesan	1	Menunjukkan kesan	-	0
Ayat Dalil	0	Menyokong hujah dengan dalil	-	0
Ayat Syarah Dalil	0	Menghurai maksud dalil	-	0
Ayat Saranan	3	Memberi saranan	ينبغي علينا	1
Ayat Penegasan	0	Menegaskan kembali kepentingan isi	-	0

Berdasarkan Jadual (2), didapati majoriti responden hanya mampu menulis ayat isi asas secara umum, dengan jumlah sebanyak 35 ayat yang tergolong dalam kategori tersebut. Ini menunjukkan bahawa responden cenderung menulis dalam bentuk ayat penyata tanpa memperincikan hujah atau mengembangkan isi secara mendalam. Selain itu, penggunaan ayat faktor agak terhad dengan hanya 12 ayat, manakala ayat contoh pula hanya dicatatkan sebanyak 4 ayat sahaja, menunjukkan responden kurang memberi sokongan terhadap isi yang dikemukakan.

Lebih membimbangkan, ayat-ayat penting yang membantu membina perenggan yang matang seperti ayat isu, ayat dalil, ayat syarah dalil dan ayat penegasan langsung tidak digunakan oleh mana-mana responden. Ini membuktikan bahawa responden belum menguasai struktur perenggan isi yang lengkap dan tidak memahami peranan setiap jenis ayat dalam membentuk hujahan yang mantap. Ayat kesan dan ayat saranan pula sangat kurang digunakan, masing-masing hanya 1 dan 3 ayat sahaja, menunjukkan bahawa responden kurang didedahkan kepada teknik penulisan hujahan yang berlapis dan berstruktur. Tiadanya penggunaan penanda wacana dan frasa pemula yang jelas turut menyumbang kepada penulisan yang tidak berkesinambungan dan bersifat terputus-putus antara satu ayat dengan ayat yang lain.

Berdasarkan Jadual (2) juga, penggunaan penanda wacana dan frasa pemula dalam penulisan isi insyak responden adalah sangat terhad dan tidak seimbang mengikut fungsi ayat. Daripada sembilan kategori fungsi penanda wacana dan frasa pemula yang telah diperkenalkan dalam Teknik Insyak Variasi, hanya empat kategori sahaja yang digunakan oleh responden, manakala selebihnya langsung tidak muncul dalam karangan mereka. Kategori "Menyatakan idea utama" mencatatkan bilangan penggunaan tertinggi iaitu sebanyak 22 ayat, menunjukkan bahawa responden lebih cenderung menggunakan penanda seperti *بعد ذلك*, *ثم*, *ثانياً*, *أولاً* untuk memperkenalkan isi baharu. Ini mungkin kerana penanda jenis ini lebih lazim didedahkan dalam pengajaran sebelum ini dan dianggap mudah difahami serta digunakan.

Namun begitu, fungsi penanda wacana dan frasa pemula yang lebih kompleks dan penting seperti mengemukakan isu, menunjukkan kesan, menyokong hujah dengan dalil, menghuraikan maksud dalil, dan menegaskan kembali kepentingan isi tidak digunakan langsung oleh mana-mana responden. Ini memberi gambaran bahawa responden belum menguasai teknik mengembangkan isi secara berlapis dan berstruktur dalam satu perenggan. Ketandusan unsur penegasan dan sokongan menjadikan perenggan mereka lemah dari segi kedalaman dan kekuatan hujahan. Sementara itu, penggunaan penanda wacana dan frasa pemula bagi fungsi menjelaskan faktor seperti *لأن*, *لأنه* merekodkan 12 ayat, manakala menyokong huraian dengan contoh menggunakan penanda wacana dan frasa pemula seperti *على سبيل المثال*, *مثله*, *ك*, *مثلة* mencatatkan 8 ayat. Walaupun wujud, bilangan ini masih rendah dan tidak cukup menggambarkan keupayaan responden untuk memperkukuh isi dengan huraian dan contoh yang mantap. Kategori memberi saranan pula hanya digunakan sekali sahaja, manakala menegaskan kembali kepentingan isi tidak digunakan langsung, menunjukkan kelemahan responden dalam menutup perenggan dengan kesimpulan atau penekanan yang meyakinkan.

Secara keseluruhannya, dapatan pra-ujian ini mengukuhkan keperluan untuk melaksanakan intervensi menggunakan Teknik Insyak Variasi, bagi membimbing responden membina perenggan isi insyak yang lebih tersusun, bervariasi dan berkualiti. Dapatan pra-ujian juga menunjukkan tahap penguasaan penanda wacana dan frasa pemula dalam kalangan responden adalah rendah dan tidak menyeluruh. Mereka lebih tertumpu kepada yang bersifat permulaan isi dan kurang memberi perhatian kepada elemen penyokong seperti contoh, sebab, kesan dan dalil. Hal ini menyumbang kepada penulisan isi yang tidak berkesinambungan, tidak berkembang, dan kurang impak dari sudut hujahan. Oleh itu, intervensi melalui Teknik Insyak Variasi amat diperlukan bagi mendedahkan responden kepada fungsi-fungsi penanda wacana dan frasa pemula secara sistematik, seterusnya membina keupayaan mereka menghasilkan perenggan isi yang lengkap, tersusun dan berkesan.

6.2 Pasca-Ujian Penulisan

Dapatan Pasca-Ujian Penulisan berkaitan kepelbagaian jenis ayat insyak dijelaskan secara terperinci dalam Jadual (3) berikut:

Jadual (3): Analisis Pasca-Ujian.

Jenis Ayat Digunakan	Jumlah	Jenis Penanda Wacana dan Frasa Pemula	Penanda Wacana dan Frasa Pemula Yang Digunakan	Jumlah
Ayat Isi	35	Menyatakan idea utama	من ناحية أخرى، كما هو المعروف وكما هو المعلوم، لا أحد ينكر حقيقة أن، لا شك ولا ريب، علاوة على ذلك، بالإضافة إلى ذلك، مما لا شك فيه، والنموذج إلى ذلك، أولاً، وأخيراً...	35
Ayat Isu	6	Mengemukakan isu	كما رأينا في أيامنا هذا، في الزمن الآن...	6
Ayat Faktor	2	Menjelaskan faktor	لأن، وذلك لأن...	2
Ayat Contoh	30	Menyokong huraian dengan contoh	على سبيل المثال، على سبيل الإيضاح، والمثال في ذلك...	28
Ayat Kesan	31	Menunjukkan kesan	والنتيجة من ذلك، من الآثار في ذلك، والآثار، نتيجة لذلك...	30
Ayat Dalil	33	Menyokong hujah dengan dalil	قال الرسول ﷺ، قال الله تعالى، قال الحكماء، قال النبي ﷺ، قيل في الحديث الشريف، قال حبيب الله في الحديث العظيم، كما جاء في القول العربي، في الحكم العربية، كما قال الشاعر...	33
Ayat Syarah Dalil	34	Menghurai maksud dalil	من هذا الحديث يتضح لنا، من هذا القول فهمنا، من هذا الحديث الشريف فهمنا، في هذه الآية شرح لنا، في هذا الحديث شرح لنا، في هذا الشعر واضح لنا...	32
Ayat Saranan	32	Memberi saranan	لذلك يجب علينا، ثم ينبغي لنا، من أجل ذلك ينبغي لنا، هيا بنا، إذن بحث لنا...	28
Ayat Penegasan	28	Menegaskan kembali kepentingan isi	بالضبط، بالتأكيد، بالطبع...	28

Dapatan kajian pasca-ujian menunjukkan bahawa pelajar cenderung membina ayat isi dengan baik, sebagaimana dibuktikan melalui penggunaan sebanyak 35 ayat isi. Selain itu, ayat contoh 30 ayat, ayat kesan 31 ayat, ayat dalil 33 ayat, ayat syarah dalil 34 ayat, dan ayat saranan 32 ayat turut digunakan secara meluas, menggambarkan kekuatan pelajar dalam mengembangkan hujah melalui pelbagai bentuk sokongan yang relevan terhadap topik penulisan. Penggunaan ayat penegasan pula mencatatkan 28 ayat, sedikit rendah berbanding jenis ayat lain, sekali gus menunjukkan keperluan untuk meningkatkan penegasan terhadap kepentingan isi dalam bahagian penutup perenggan. Walau bagaimanapun, aspek yang paling ketara kelemahannya ialah dari segi penggunaan ayat isu yang hanya mencatat 6 ayat dan ayat faktor sebanyak 2 ayat.

Dapatan kajian bagi Pasca-Ujian Penulisan berkaitan dengan kepelbagaian jenis ayat dalam penulisan isi insyak dalam kalangan responden menunjukkan bahawa penggunaan penanda wacana dan frasa pemula adalah pelbagai dan seimbang dalam beberapa aspek. Penanda wacana dan frasa pemula bagi menyatakan idea utama seperti من ناحية أخرى mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 35 kali, menunjukkan kemampuan responden dalam memulakan dan mengembangkan hujahan dengan baik. Seterusnya, menyokong hujah dengan dalil seperti قال الرسول ﷺ digunakan sebanyak 33 kali, manakala menghurai maksud dalil seperti من هذا الحديث يتضح لنا sebanyak 32 kali, mencerminkan kecenderungan responden untuk menyokong isi dengan dalil serta memberikan huraian lanjut terhadapnya. Penanda wacana dan frasa pemula untuk menunjukkan kesan seperti والنتيجة من ذلك turut digunakan secara meluas sebanyak 30 kali, menunjukkan kesedaran terhadap hubungan sebab dan akibat. Dalam masa yang sama, penanda bagi menyokong huraian dengan contoh seperti على سبيل المثال digunakan sebanyak 28 kali, begitu juga dengan memberi saranan seperti لذلك يجب علينا dan menegaskan kembali kepentingan isi seperti بالطبع, masing-masing direkodkan sebanyak 28 kali, memperlihatkan keupayaan pelajar dalam memperkukuh isi serta menutup perenggan dengan kesimpulan atau ajakan. Namun begitu, penggunaan penanda wacana dan frasa pemula untuk mengemukakan isu seperti كما وذلك لأن hanya digunakan sebanyak 6 kali, manakala menjelaskan faktor seperti ذلك لأن direkodkan paling rendah iaitu hanya 2 kali. Keputusan ini menunjukkan bahawa meskipun responden mampu membina ayat yang pelbagai untuk mengukuhkan hujahan, kelemahan masih wujud dalam aspek pembinaan latar isu dan pemberian sebab yang mantap.

Secara keseluruhannya, dapatan pasca-ujian menunjukkan bahawa pelajar berkeupayaan membina pelbagai jenis ayat dalam penulisan insyak, khususnya ayat isi, dalil, syarah, contoh, kesan dan saranan yang menyokong pengembangan hujah. Penggunaan penanda wacana dan frasa pemula juga menunjukkan kefahaman terhadap kohesi dan koheren dalam struktur perenggan. Namun begitu, kelemahan ketara masih wujud dalam membina ayat isu dan ayat faktor, yang penting sebagai permulaan dan asas kepada hujahan. Justeru, aspek ini perlu diberi penekanan dalam pengajaran agar penulisan pelajar lebih mantap dan seimbang.

7. PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelaksanaan Teknik Insyak Variasi telah memberi impak positif terhadap peningkatan keupayaan pelajar dalam menghasilkan penulisan insyak yang lebih terarah, teratur dan matang. Peningkatan ketara dalam jumlah penggunaan ayat-ayat seperti ayat contoh, ayat kesan, ayat dalil, dan ayat syarah dalil membuktikan bahawa pelajar bukan sahaja mampu mengembangkan isi, bahkan dapat menyokongnya dengan huraian serta dalil yang relevan dan meyakinkan. Hal ini memperlihatkan keberkesanan intervensi dalam membantu pelajar membina struktur perenggan isi yang lengkap serta berasaskan logik hujahan. Penggunaan pelbagai jenis penanda wacana dan frasa pemula pula memperkukuh kohesi dan koheren antara ayat, menjadikan penulisan lebih tersusun dan mudah difahami. Pelajar didapati lebih yakin menggunakan penanda wacana dan frasa pemula yang bersifat sokongan seperti menyatakan kesan, memberi saranan dan menghurai dalil, berbanding sebelum intervensi yang hanya tertumpu pada penanda idea utama.

Namun begitu, aspek seperti pembinaan ayat isu dan ayat faktor masih lemah, walaupun menunjukkan sedikit peningkatan. Ini menunjukkan bahawa pelajar memerlukan lebih banyak pendedahan dan latihan dalam membina latar perenggan serta mengemukakan sebab secara jelas sebelum mengembangkan isi. Kekurangan ini perlu diatasi agar perenggan yang dihasilkan tidak hanya kukuh dari segi pengembangan, tetapi juga mantap dari segi permulaan dan hala tuju hujahan.

Diharapkan teknik Insyak Variasi ini dapat terus diterapkan secara sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam latihan penulisan isi insyak agar pelajar dapat menguasai kesemua jenis ayat secara seimbang. Melalui penerapan yang berterusan, pelajar berpotensi membina perenggan yang lengkap dari aspek pembukaan, pengembangan, dan penegasan hujah. Tambahan pula, pendekatan ini boleh dijadikan panduan dalam pembangunan modul penulisan insyak berasaskan fungsi ayat dan penanda wacana dan frasa pemula yang holistik, bagi mempertingkatkan tahap literasi pelajar dalam bahasa Arab secara menyeluruh. Ini bukan sahaja memperkukuh kemahiran penulisan akademik, malah turut menyumbang kepada pemikiran kritis dan keupayaan berhujah secara tersusun dan meyakinkan.

8. RUJUKAN

- Al-Hindawi, F. S., & Abu-Krooz, A. K. (2013). Classical Arab rhetorical theory: A discourse analysis approach. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(9), 178–186.
- Al-Qarni, A. H. (2020). *Asas Penulisan Bahasa Arab: Teknik dan Strategi*. Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Al-Samarrai, M. T. (2015). *Qawaid al-Kitabah al-'Arabiyyah*. Dar al-Fikr.
- Al-Zaydan, A. A. (2016). *Maharat al-Kitabah li al-Mutakallimin bi Ghayr al-'Arabiyyah*. Dar al-Ma'arif.
- Amani Naw, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar, & Wahida Mansor. (2021). Pembangunan laman web E-Multi Ling Mu'jam sebagai alternatif pembelajaran sendiri: Satu analisis keperluan. *E-Proceedings of the International Seminar on Islam and Science*, 330–352.
- Asmah Haji Omar. (1980). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlan Shaiful Baharum, Rosni Samah, & Asma Abdul Rahman. (2022). Kesalahan ortografi dan implikasinya melalui penulisan esei berpandu pelajar bukan penutur Arab: Satu kajian di Universiti Sains Islam Malaysia. *Sains Humanika*, 14(2), 1–11.
<https://doi.org/10.11113/sh.v14n2.1479>
- Beaugrande, R. de, & Dressler, W. U. (1981). *Introduction to text linguistics*. London: Longman.
- Brown, G., & Yule, G. (1983). *Discourse analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hadj Said, S. (2023). Teaching Arabic to non-native speakers. *International Journal of Humanities and Educational Research*, 5(2), 123–133. <https://doi.org/10.47832/2757-5403.19.10>
- Halliday, M. A. K., & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Hashim, H. (2018). *Pendekatan Modular dalam Pengajaran Bahasa Arab*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein Abdul-Raof. (2010). *Arabic rhetoric: A pragmatic analysis*. London: Routledge.
- Ismail, M. N. (2019). *Strategi Penulisan Berkesan dalam Bahasa Arab*. Penerbit UKM.
- Kamal, N. (2017). *Teknik Penulisan Arab Modern: Pendekatan Praktikal*. Penerbit UPM.
- Kamarulzaman Abdul Ghani, Ahmad Sabri Noh, & Nurul Iman Ahmad Bukhari. (2021). Linguistic features differences in Arabic textbooks used at Islamic schools in Malaysia. *Kemanusiaan*, 28(1), 151–169. <https://doi.org/10.21315/KAJH2021.28.1.7>
- Mohamad Ismail, & Norahida Mohd Fairuz Ali. (2024). Penggunaan strategi pembelajaran Bahasa Arab Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(1), 283–295.
- Mohamad Rofian Ismail, & Muhammad Daoh. (2021). Analisis keperluan pembinaan modul kemahiran menulis karangan Bahasa Arab dari aspek model dan kaedah pengajaran modul. *Selangor Humaniora Review*, 4(1), 133–146.

- Muhammad Zahri Abdul Karim, & Muhammad Haron Husaini. (2017). Tahap penguasaan penulisan karangan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah agama menengah. *Asia Pacific Online Journal of Arabic Studies*, 2(3). <https://journal.example.com/article123>
- Musa, R. (2021). *Kohesi dan Koheren dalam Penulisan Bahasa Arab*. Penerbit Universiti Malaya.
- Omar, A. (2020). *Kemahiran Mengarang Bahasa Arab*. Penerbit Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Reinhart, T. (1980). Conditions for text coherence. *Poetics Today*, 1(4), 161–180.
<https://doi.org/10.2307/1771956>
- Salleh, M. H. (2018). *Penanda Wacana dalam Bahasa Arab: Analisis dan Aplikasi*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Salwa El-Awa. (2006). *Textual relations in the Qur'an: Relevance, coherence and structure*. London: Routledge.
- Van Dijk, T. A. (1977). *Text and context: Explorations in the semantics and pragmatics of discourse*. London: Longman.
- Widdowson, H. G. (1978). *Teaching language as communication*. Oxford: Oxford University Press.
- Yusof, R. (2022). *Kajian Kesalahan Tatabahasa dan Gaya Bahasa Pelajar Arab*. Penerbit IPG Kampus Bahasa Arab.